

KECEKAPAN GURU PELATIH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MEMBACA BAHASA CINA

Lam Yat Chaw
Yau Yee Shin
Yeo Chui Eng
Chew Chui Kian
Lee Sung Ping
Jabatan Bahasa
Lee Vui Lin
Jabatan Kajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti tahap penguasaan guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) membaca dari perspektif pensyarah pembimbing. Borang soal selidik mengandungi 18 item untuk mengutip data kajian. Item-item kajian merangkumi p&p perbendaharaan kata, p&p ayat, p&p perenggan teks dan p&p membaca / melafaz, penggunaan papan hitam semasa p&p membaca dan penilaian dalam p&p membaca. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS bagi mendapat min dan sisihan piawai. Tahap penguasaan p&p Perbendaharaan Kata dan p&p Perenggan Teks adalah paling memuaskan (min 3.39) berikutan dengan penggunaan papan hitam semasa p&p Membaca dan Penilaian dalam p&p Membaca (min 3.25) manakala tahap penguasaan dalam p&p Membaca / Melafaz dan p&p Ayat pula kurang memuaskan dengan min 3.06 dan 2.75 masing-masing.

PENGENALAN

Bahasa Cina merupakan bahasa penghantar utama di sekolah-sekolah rendah aliran Bahasa Cina di negara kita. Semua mata pelajaran diajar dengan Bahasa Cina di sekolah-sekolah rendah aliran tersebut, kecuali mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina merangkumi empat komponen kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antaranya, kemahiran membaca merupakan satu komponen yang amat penting. Teks bacaan merupakan bahan pengajaran yang utama. Melalui aktiviti-aktiviti membaca teks, murid-murid akan menguasai lebih banyak perbendaharaan kata yang bakal digunakan untuk tujuan berkomunikasi secara lisan atau bertulis. Melalui p&p kemahiran membaca teks ini, mereka berupaya berkomunikasi dengan lebih berkesan, dan menghayati karya-karya sastera yang indah dan bermutu dan menambah ilmu pengetahuan. Pengajaran dan pembelajaran membaca teks

merangkumi aspek-aspek seperti perbendaharaan kata, ayat, perenggan, kemahiran melafaz dan penilaian. Sebagai seorang guru, kemahiran p&p membaca teks adalah kemahiran yang mesti dikuasai

Pernyataan Masalah

Penguasaan p&p membaca di kalangan guru pelatih di maktab kurang memuaskan. Daripada pemerhatian semasa penyeliaan praktikum yang lalu, didapati sebilangan besar guru pelatih tidak dapat menguasai aspek-aspek berikut:

- a. P&p perbendaharaan kata
- b. P&p ayat
- c. P&p perenggan teks
- d. P&p membaca / melafaz
- e. Penggunaan papan hitam semasa p&p membaca
- f. Penilaian dalam p&p membaca

Guru pelatih yang gagal menguasai p&p membaca teks akan memberi kesan negatif kepada pelajar-pelajar di sekolah. Mereka tidak dapat menulis huruf-huruf Cina dengan “stroke” yang betul, tidak dapat memahami makna perbendaharaan kata dan menguasai penggunaannya, gagal menggunakan tanda bacaan dengan betul dan membuat rumusan tentang sesuatu teks. Keadaan sedemikian juga menyebabkan pelajar-pelajar sekolah gagal melafaz teks dengan suara, intonasi dan eksprisi yang betul.

Pengajaran guru yang tidak bermutu dan kurang menarik menyebabkan pelajar kurang berminat dalam pembelajaran Bahasa Cina. Jika keadaan ini berlarutan, tahap penguasaan Bahasa Cina di kalangan pelajar semakin merosot. Implikasinya, penguasaan orang ramai terhadap bahasa ini juga turut terjejas. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk memberi satu gambaran yang benar dan jelas kepada para pendidik tentang kecekapan guru-guru pelatih dalam menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran membaca teks dalam Bahasa Cina. Berdasarkan inferens yang dibuat, diharap pelan tindakan yang sewajarnya boleh dibuat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan guru-guru pelatih dalam menguasai kemahiran tersebut.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti tahap penguasaan guru pelatih dalam p&p membaca dari perspektif pensyarah pembimbing. Kajian ini marangkumi aspek-aspek berikut:

- a. P&p perbendaharaan kata
- b. P&p ayat
- c. P&p perenggan teks
- d. P&p membaca / melafaz
- e. Penggunaan papan hitam semasa p&p membaca
- f. Penilaian dalam p&p membaca

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengenal pasti tahap pencapaian guru-guru pelatih dalam mengaplikasikan kemahiran-kemahiran p&p membaca teks di sekolah-sekolah rendah. Berdasarkan dapatan kajian ini, aspek-aspek yang lemah dapat dikenal pasti. Dengan itu, tindakan susulan yang sewajarnya dapat diambil untuk mempertingkatkan mutu p&p membaca teks di sekolah rendah aliran Bahasa Cina.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik.

Populasi

Populasi kajian ini terdiri daripada 52 orang guru pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia, Semester 6, ambilan Januari 2003, yang menjalankan latihan mengajar (praktikum) di sekolah-sekolah aliran bahasa Cina di sekitar bandaraya Kuching dari bulan Jun hingga September tahun 2005.

Instrumen

Data kajian dikutip dengan mengguna borang soal selidik yang mengandungi 18 item dengan pengukuran skala 5 tahap kecekapan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skala 5 tahap kecekapan

Tahap	Tahap Kecekapan
1	Amat tidak memuaskan
2	Tidak memuaskan
3	Sederhana
4	Memuaskan
5	Amat memuaskan

Soal selidik dibahagikan kepada 2 bahagian, A dan B. Bahagian A meliputi item-item untuk memperolehi data demografi manakala bahagian B merangkumi 18 item untuk mendapat maklumat berkaitan dengan sub-topik berikut.

- a. P&p perbendaharaan kata (8 item)
- b. P&p ayat (2 item)

- c. P&p perenggan teks (2 item)
- d. P&p membaca / melafaz (3 item)
- e. Penggunaan papan hitam semasa p&p membaca (1 item)
- f. Penilaian dalam p&p membaca (2 item)

Pengumpulan Data

Kebenaran guru-guru pelatih (kumpulan sasaran) telah diperolehi sebelum kajian dijalankan. Selepas itu, 4 hingga 5 pemerhatian dan perbincangan antara guru pelatih dan pensyarah pembimbing telah dibuat semasa guru pelatih menjalankan praktikum di sekolah rendah sepanjang 14 minggu (21 Jun 2005 – 30 Sep 2005). Setiap pemerhatian mengambil masa 1 jam. Selepas pemerhatian, pensyarah pembimbing berbincang dengan guru pelatih untuk meninjau secara lebih mendalam tentang prestasi mereka dalam aspek-aspek yang dikaji. Selepas pemerhatian yang terakhir, pensyarah pembimbing akan mengisi borang soal selidik. Pensyarah pembimbing yang terlibat terdiri daripada kalangan pensyarah Unit Pengajian Cina, Jabatan Bahasa, MPBL.

Analisis Data

Setelah semua kertas soal selidik telah dikumpulkan, data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS bagi mendapat min dan sisihan piawai.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan dapatan-dapatan daripada data-data yang dikumpulkan.

Jadual 2: Analisis data

Bil	Kemahiran	Min	Sisihan Piawai
1	P&p Perbendaharaan kata	3.39	0.57
2	P&p Ayat	2.75	0.72
3	P&p Perenggan Teks	3.39	0.59
4	P&p Membaca /Melafaz	3.06	0.69
5	Penggunaan Papan Hitam P&p Membaca	3.25	0.65
6	Penilaian dalam p&p Membaca	3.25	0.57
Keseluruhan		3.24	0.49

Tahap penguasaan p&p Perbendaharaan Kata dan p&p Perenggan Teks adalah paling memuaskan (min 3.39) berikutan dengan penggunaan papan hitam semasa p&p Membaca dan Penilaian dalam p&p Membaca (min 3.25) manakala tahap

penguasaan dalam p&p Membaca / Melafaz dan p&p Ayat pula kurang memuaskan dengan min 3.06 dan 2.75 masing-masing.

PERBINCANGAN

Dari dapatan kajian ini, jelas kelihatan bahawa pensyarah-pensyarah berjaya mengesan kelebihan serta kelemahan guru-guru pelatih Pengajian Cina tersebut melalui beberapa pemerhatian terhadap tingkah laku-tingkah laku mereka semasa penyeliaan praktikum. Pada keseluruhannya, guru-guru pelatih ini telah menguasai teknik p&p perbendaharaan kata dan p&p perenggan teks dengan baik sekali. Mereka boleh membimbing murid mengenali huruf baru, menulis huruf itu dengan betul, dan menggunakan huruf-huruf itu dengan tepat. Selain itu, mereka juga berupaya membimbing murid-murid menjelaskan makna setiap perenggan bagi teks yang dibaca. Murid-murid dapat membuat rumusan tentang setiap perenggan dan seterusnya mensintesis idea keseluruhan teks tersebut.

Guru-guru pelatih juga didapati berada di tahap sederhana dalam aspek penggunaan papan hitam dan aspek penilaian murid-murid dalam p&p membaca. Terdapat sebilangan kecil guru pelatih yang masih lemah dalam menggunakan papan hitam sebagai latar untuk memaparkan peta minda yang berkaitan dengan teks yang dibaca. Gambarajah yang dilakar oleh guru pelatih kadang-kala tidak mendatangkan kesan kepada pemahaman murid terhadap idea yang ingin disampaikan oleh guru. Sebilangan besar guru pelatih kurang mahir dalam mengemukakan soalan yang menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis terhadap teks yang dibaca. Latihan-latihan yang disediakan selepas sesi p&p membaca kurang menampilkan unsur kreativiti dan tidak begitu mencabar minda murid-murid. Umpamanya, guru-guru selalu mengajukan soalan-soalan kefahaman yang mana jawapannya boleh dipetik terus dari petikan teks.

Guru-guru pelatih ini paling lemah dalam aspek p&p membaca atau melafaz serta p&p ayat. Kebanyakan dari mereka tidak berjaya menjadi model pelafaz teks yang baik kepada murid-murid. Intonasi mereka tidak menarik. Mereka juga agak lemah dalam fonetik dan tidak memperlihatkan daya usaha mereka untuk memajukan diri. Mereka juga tidak dapat mengenali ayat-ayat yang sesuai dipilih sebagai hafalan atas keindahan bahasanya. Mereka selalunya mengabaikan ayat-ayat yang cantik di dalam teks dan tidak membuat penekanan terhadap ayat-ayat itu semasa perbincangan. Mereka kurang mahir dalam menghayati keindahan bahasa.

Terdapat tiga unsur utama yang mempengaruhi pencapaian dan prestasi guru-guru pelatih yang dikaji, iaitu sukatan pelajaran Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), bimbingan guru pembimbing dan bahan rujukan yang sedia ada.

Guru-guru pelatih ini mahir dalam pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata kerana dalam sukatan pelajaran KDPM terdapat banyak isi yang berkaitan dengan aspek ini. Contohnya:

Semester 1: P&p mengenal huruf

Semester 2: P&p menulis huruf

Semester 3: P&p melafaz teks

Oleh kerana terdapat pendedahan yang lebih baik dari pensyarah, dan memandangkan jam interaksi kuliah untuk aspek ini lebih banyak, maka prestasi guru pelatih dalam bidang ini lebih tinggi kerana mereka lebih berpengetahuan serta lebih yakin dalam aspek tersebut.

Penguasaan p&p perenggan memuaskan kerana dalam sukatan pelajaran Semester 1 hingga Semester 5, guru pelatih didedahkan dengan teks-teks sastera. Melalui teks-teks tersebut, guru pelatih telah diberi latihan yang sewajarnya.

Jika ditinjau tentang kelemahan guru-guru pelatih ini, jelas kelihatan penguasaan p&p ayat adalah kurang memuaskan kerana komponen tersebut hanya diperuntukkan dua jam kuliah dalam sukatan pelajaran Semester 3. Guru-guru pelatih secara amnya gagal menguasai kemahiran membimbing murid menghayati ayat-ayat yang indah dalam petikan teks.

Guru pembimbing di sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam memperkukuhkan kemahiran mengajar guru-guru pelatih. Kebanyakan guru pembimbing sangat mementingkan p&p perbendaharaan kata dan perenggan. Maka, mereka boleh memberi bimbingan yang sewajarnya kepada guru pelatih yang menjalani praktikum di bawah bimbingan mereka.

Dari perbincangan antara pensyarah pembimbing dengan guru pembimbing, didapati mereka sendiri kurang berpengalaman dalam aspek p&p perenggan. Ini adalah akibat daripada kurang penekanan semasa p&p harian mereka.

Bahan rujukan seperti Buku Panduan Guru yang diterbitkan oleh Bahagian Buku Teks jelas memberi maklumat yang lengkap dalam p&p perbendaharaan kata dan perenggan. Selain itu, terdapat juga banyak buku rujukan yang diterbitkan oleh penerbit swasta. Bagi p&p ayat pula, maklumat yang disediakan dalam Buku Panduan Guru mahupun buku rujukan swasta adalah amat terhad. Ketidakseimbangan ini juga telah mendorong guru-guru pelatih cenderung lebih mementingkan p&p perbendaharaan kata dan perenggan dari aspek-aspek yang lain.

CADANGAN

Memandangkan prestasi guru pelatih dipengaruhi secara langsung oleh struktur sukatan pelajaran KDPM, maka peruntukan masa untuk pengajaran dan pembelajaran ayat dalam sukatan pelajaran KDPM harus ditambahkan. Pensyarah dan guru pembimbing harus memberi penekanan yang lebih dalam aspek pengajaran dan pembelajaran ayat. Dari segi kandungan Buku Panduan Guru harus membekalkan maklumat yang lebih lengkap dalam aspek pengajaran dan pembelajaran ayat supaya dapat mengatasi kelemahan yang di hadapi masa kini tidak berulang pada masa depan. Kajian yang selanjutnya akan dijalankan dari masa

ke semasa untuk mengumpul data dan maklumat terkini tentang perkembangan supaya kualiti dan mutu penyampaian ilmu di peringkat maktab perguruan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina terjaga dan diperkukuhkan untuk menghadapi dunia yang sentiasa berubah.

RUJUKAN

- Chew, C. C. (2003). *Bahasa Cina Tahun 2: Buku panduan guru*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Sukatan Pelajaran Pengajian Cina Major Kursus Diploma Perguruan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2004). *Bahan Rujukan Bahasa Cina: Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.